

# Asuhan Budi di dalam Islam

## Tujuan Pendidikan

(oleh: 'Abdullah bin Awang)

Sebelum kita memperkatakan soal pendidikan maka terlebih dahulu patut kita mengetahui akan sifat-sifat manusia yang hendak dididik dan di lenjur itu.

Manusia pada mula kejadiannya adalah suci dan bersih. Ia adalah ibarat sehelai kain putih yang bersih belum mengenai apa-apa kekotoran lagi, atau ia ibarat sepon kayu yang kecil. Kain itu boleh diwarnakan mengikut kehendak tuannya sama ada merah ataupun hitam. Pohon kayu yang kecil demikian pula, dapat di lenjur. Jelasnya, sementara masih kecil, manusia dapat dibentuk dan diwarnakan corak hidupnya dengan mudahnya.

Di tangan ibu bapalah terserahnya kewajipan-kewajipan untuk mendidik anak-anak mereka dan juga guru-guru yang bijak pandai, kepada merekalah terserahnya harapan kita semua untuk ketinggian dan kebahagiaan anak-anak supaya ia dapat hidup menyumbang bakti terhadap agama, bangsa dan tanah airnya. Tegasnya di tangan warga negara yang bijak pandailah naiknya mutu ketinggian bangsa dan nusa.

Apakah manusia itu?

Manusia dalam erti kata yang sebenarnya mengikut pengertian yang mudah dan dapat difahami oleh segenap peringkat ialah sejenis kejadian yang teristimewa daripada makhluk-makhluk yang lain oleh beberapa sebab:

Pertama: Akal fikirannya yang dapat mempertimbangkan baik buruk, berfaedah dan mudarat.

Kedua: Hati dan perasaan yang mudah tersentuh jika ada perkara-perkara yang menyentuh peribadinya, kaum bangsanya (dan agamanya).

Ketiga: Usahanya yang dapat mengerjakan apa sahaja pekerjaan untuk kehidupannya atau kaum bangsanya, dan (kepentingan agamanya). Dengan usaha dan penat lelahnya dapat ia mencari kemajuan dan peradaban yang tinggi di dalam hidupnya.

Keempat: Hubungannya dengan yang lain, yang bererti bahawa manusia itu tak boleh hidup berkeseorangan atau mengasingkan diri daripada yang lain atau tidak berhajat kepada pertolongan kaum sejenisnya terutama sekali di dalam perkara-perkara yang besar.

Maka dengan sebab-sebab yang tersebutlah, manusia dapat maju dari semasa ke semasa di dalam hidupnya dan tidak puas menyelidiki rahsia alam yang masih tertutup rapat hingga hari ini dan setengahnya dapat dibongkar rahsia-rahsia yang selama ini masih tertutup itu yang kita semua dapat menyaksikan pada hari ini, ini tidak lain melainkan dengan sebab pengajaran dan pendidikan yang diterima olehnya, dan dari sebab-sebab

tersebut di ataslah maka manusia mempunyai persediaan-persediaan untuk menerima pelajaran-pelajaran yang berguna kepada hidupnya.

Dengan akal fikirannyalah maka manusia yang pada mulanya hidup tak ubah seperti haiwan itu mencari jalan hidup yang lebih senang dan bertamadun. Dengan pertimbangan yang ada pada mereka dapatlah mereka mengecam dan memerhati akan satu-satu perkara sama ada perkara itu menguntungkan atau merugikan mereka, lebih-lebih lagi kerana usahanya yang ada padanya dan hubungannya di antara satu sama lain, boleh pula mereka mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang besar-besar yang mana tak mungkin seseorang itu membuatnya.

#### Tujuan-tujuan Pendidikan

Sekarang kita bawa pembaca-pembaca mengenali tujuan

pendidikan pada beberapa bangsa dan agama sebagaimana yang diperturunkan di bawah ini:

### 1. Bangsa Cina:

Tujuan pendidikan dahulu kala di sisi bangsa Cina ialah mempersiapkan kaum atasan dengan menambahkan ilmu pengetahuan dahulu kala yang berhubung dengan susunan masyarakat, hubungan anggota masyarakat di antara satu sama lain dan menyediakan anak-anak masyarakat itu supaya pembawaan mereka itu baik pada tiap-tiap pekerjaan dan gerak-geri di dalam hidupnya.

Ini adalah dari segi akhlak sahaja kerana bersesuaian dengan ikutan-ikutan kuno mereka yang terkandung di dalam kitab-kitab agama mereka (Confucius)

Sambungan pula muka 37



Gambar kenang-kenangan kerana memberi selamat berpisah kepada kepada Tuan Haji ‘Abd al-Karīm bin Haji ‘Abd al-Rahmān (duduk di tengah-tengah) dari Parit Terus, Benut, Johor yang telah belayar ke Mesir kerana melanjutkan pelajarannya di dalam ilmu perguruan selama 5 tahun dengan perbelanjaannya sendiri – gambar kiriman Yusuf ‘Abd al-Rahmān.